



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/(S)121/Jld.4(30)
Tarikh : 16 Oktober 2022

**SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN
JANM NEGERI KEDAH**

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN UNTUK TUJUAN
PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN INTERIM TAHUN
2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2022 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ dibawah seliaan JANM Negeri Kedah hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun yang berkaitan mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini;

BIL.	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL
1	INVENTORI	A06* DAN A07*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
2	DEPOSIT BAYARAN	A052*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
3	PERBELANJAAN TERDAHULU ASET	A053*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
4	WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR	A0591101	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
5	TERIMAAN TAK DITUNAI	A0311101	LAPORAN DAFTAR CEK TAK LAKU
6	ABT ONGOING RECEIVABLES	A048*	LAPORAN INVOIS TERPERINCI
7	ASET BELUM BAYAR	L013*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
8	AKAUN BELUM BAYAR GRN/FRN TRANSIT ASET	L0191103	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
9	PENDAPATAN TERDAHULU	L037*	LAPORAN ASET/LIABILITI/EKUITI ATAU LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI
10	DEPOSIT	L011*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUITI DAN LAPORAN KEDUDUKAN BAKI SUBSIDIARI/LAPORAN TERIMAAN TERDAHULU DAN DEPOSIT

- (b) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Negeri Kedah adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya pada **02 November 2022 (Rabu)**.

Excellent Accounting @ Your Service

3. Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan (disediakan secara berasingan mengikut PTJ Dipertanggung) serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan. Format Pengesahan Baki juga boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit yang berkenaan di JANM Negeri Kedah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Unit / No. Telefon
1.	Pengesahan Baki Wang Pendahuluan Kontraktor, Deposit Bayaran, Pendapatan Terdahulu dan Akaun Deposit	Unit Akaun 04-7001000 Ext: 113 (Pn Rogayah) / 114 (Pn Shuhaida) / 192 (En. Zamzuri Musa)
2.	Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan, Inventori, Perbelanjaan Terdahulu Aset, Aset Belum Bayar dan Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset	Unit Pengurusan Aset 04-7001000 Ext: 146 (Cik Nisreen) / 107 / 181 / 138 / 174 / 135 / 134 / 131 / 173 / 133
3.	Pengesahan ABT <i>Ongoing Receivables</i> , Terimaan Tak Ditunai	Unit Pengurusan Dana 04-7001000 Ext: 118 (Pn. Liyana) / 180 (Pn. Roshanizah)

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Interim Tahun Kewangan 2022 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AMRAN BIN ABD. GHANI C.A (M))
Pegawai
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah